

TARIKH	SELASA, 8 OKTOBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	1.6 JUTA PENJAWAT AWAM TUMPU PEMBENTANGAN SSPA
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	SSPA

# 1.6 juta penjawat awam tumpu pembentangan SSPA

Pelarasan gaji secara berperingkat ringankan kos sara hidup



**Kuala Lumpur:** Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Belanjawan 2025, dijangka menjadi tumpuan utama bagi 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara.

Sistem saran baharu ini bertujuan memperkasakan perkhidmatan awam, menampikan komitmen kerajaan dalam memastikan penjawat awam mendapat pelarasan gaji secara berperingkat.

Fasa pertama pelarasan ini bermula 1 Disember ini diikuti fasa kedua pada 1 Januari 2026.

Melalui pelarasan itu, pegawai Kumpulan Pelaksana serta pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional akan menerima kenaikan 15 peratus, manakala pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dijangka menerima


pelarasan tujuh peratus.

Pegawai Penerangan, Mazizul Dani, 38, menyifatkan pelarasan gaji ini sebagai langkah yang mampu meringankan beban kos sara hidup, sejajar usaha kerajaan menangani isu ini dalam belanjawan kali ini.

"Saya berharap belanjawan 2025 turut menitikberatkan soal kebajikan penjawat awam, termasuk insentif seperti potongan cukai pendapatan yang bersesuaian," katanya.

### Harap bantuan diteruskan

Pegawai Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Herlina Ainizawati Zakaria, 40, berharap bantuan kewangan khas seperti yang



SSPA bertujuan memperkasakan perkhidmatan awam.

(Foto hiasan)

diumumkan dalam belanjawan terdahulu dapat diteruskan meskipun pelarasan gaji fasa pertama bakal dilaksanakan Disember ini.

Beliau berkata, antaranya bantuan akhir tahun dan bantuan khas Aidilfitri yang sedikit sebanyak dapat meringankan beban penjawat awam, terutama bagi yang berkeluarga.

"Sesi persekolahan tahun depan bermula Februari, diikuti Ramadan awal Mac dan Aidilfitri pada penghujung bulan yang sama. Tempoh singkat ini pasti memberi tekanan kepada mereka yang mempunyai ramai anak," katanya.

Bagi guru, Marzukhi Mokhtar, 34, berharap isu kuarters

penjawat awam yang uzur dan kurang diselenggara turut diberi perhatian dalam Belanjawan 2025.

"Ada kuarters terlalu usang dengan cat berkulat serta kemudahan yang rosak, malah ada yang terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk memperbaiki kediaman mereka," jelasnya.

Beliau berharap peruntukan bersesuaian diberikan agar kuarters kerajaan dapat dibaik pulih, sekali gus meningkatkan keselesaan dan prestasi penjawat awam.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan oleh Anwar yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 18 Oktober ini.

BERNAMA

DISEDIAKAN  
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM